

# Majlis Penyerahan

## SUMBANGAN ZAKAT RM10,000.00 BANK ISLAM KEPADA UniMAP

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Pada 12 Disember 2011 yang lalu, telah diadakan satu majlis penyerahan cek zakat oleh Bank Islam Malaysia Berhad(BIMB) kepada UniMAP. Di majlis tersebut, UniMAP telah diwakili oleh Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, sementara pihak BIMB pula diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi BIMB, Yang Berusaha Dato' Norasni Binti Ayob.

Y.Bhg Dato' Naib Canselor ketika berucap dimajlis itu telah melahirkan rasa kesyukuran di atas sumbangan zakat yang diterima dan merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad di atas sumbangan zakat yang diberikan ini. Beliau dalam ucapan ringkasnya itu juga berharap semoga dengan sumbangan yang diterima ini dapat terus membantu pelajar-pelajar UniMAP yang memerlukan bantuan kewangan sepanjang tempoh pengajian mereka melalui permohonan yang dikemukakan melalui Tabung Amanah Zakat UniMAP yang dikendalikan oleh Unit Pinjaman dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UniMAP.



Sementara itu, Y.Bhg Dato' Norasni pula dalam ucapannya telah menzahirkan rasa semoga jalinan kerjasama antara UniMAP dan Bank Islam ini akan terus dikekalkan dalam pelbagai bentuk kerjasama lain di masa akan datang. ‘InsyaAllah sekiranya ada rezeki lagi tahun hadapan, BIMB akan terus membantu memberikan sumbangan Zakat kepada UniMAP’, janji beliau sebelum mengakhiri ucapannya di majlis tersebut.

Di majlis yang turut dihadiri sama oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP, Penolong Naib Canselor HEPA dan Bendahari UniMAP menyaksikan BIMB menyerahkan sejumlah RM10,000 sumbangan zakat kepada UniMAP bagi tahun 2011. Sumbangan ini menutup tirai tahun 2011, apabila sejumlah RM75,000 wang zakat telahpun diterima daripada beberapa institusi Kewangan seperti Bank Kerjasama rakyat Malaysia, BSN, BIMB dan juga Baitulmal Negeri Perlis.

Semoga pada tahun 2012, semakin ramai lagi pihak swasta mahupun institusi kewangan yang bermurah hati membantu menyediakan sumbangan dan seterusnya meningkatkan jumlah dana yang ada dan memastikan kelangsungan kepada kewujudan Tabung Amanah Zakat UniMAP ini yang dikendalikan oleh Unit Pinjaman dan Kebajikan, HEPA.